

## **HIPERREALITI: ISU PEMBINAAN NILAI DALAM PEMIKIRAN PASCA MODEN**

Oleh

Prof Madya Aminuddin Ruskam al-Dawamy  
Universiti Teknologi Malaysia

### **ABSTRAK**

Marshall McLuhan merupakan individu pertama yang pembicaraan gagasan hiperrealiti dalam pemikiran pasca moden. Beliau meramalkan bahawa peralihan teknologi dari era teknologi mekanik ke era teknologi elektronik akan membawa peralihan fungsi teknologi sebagai kesinambungan badan manusia kepada kesinambungan sistem saraf. Televisyen, komputer dan internet telah memungkinkan umat manusia hidup dalam dunia yang disebut sebagai global village, sebuah desa besar, di mana segala sesuatu dapat disebarluaskan, diinformasikan dan dikonsumsi bersama dalam dimensi ruang dan waktu yang mengecil. McLuhan membaca fenomena ini sebagai kemenangan manusia moden untuk menguasai ruang dan waktu. Gagasan ini dikembangkan pula oleh Baudrillard. Pemikirannya berdasarkan kepada beberapa andaian hubungan manusia dan media yang disebut sebagai realiti mediascape. Perkembangan ilmu dan teknologi mampu mereproduksi realiti masa lalu dengan menciptakan realiti baru dengan imaginasi buatan dan menyinari fantasi dan ilusi menjadi kenyataan. Inilah dunia hiperrealiti: realiti yang lebih nyata dari yang nyata, palsu dan meledak-ledak. Realiti-realiti hiper menjadi model dan gambaran yang bermetamofora mengawal fikiran dan tindak-tanduk manusia. Realiti kini tidak lagi memiliki asal-usul, rujukan ataupun makna yang benar. Tokoh-tokoh seperti Rambo, boneka Barbie, Jurassic Park, atau Star Trek Voyager yang merupakan gambaran realiti tanpa rujukan, namun nampak lebih real dan nyata. Dalam keadaan seperti ini, realiti kebenaran, fakta dan objektif kehilangan makna dan kebebasannya.

### **1.0 Pendahuluan**

Imperialisme dan hubungannya dengan gagasan berfikir mempunyai hubungan yang erat. Pencerobohan berlangsung dengan matlamat penaklukan serta penaklukan kembali (conquest and reconquest). Gagasan ini bertujuan menguasai pula pemikiran dan tindakan bangsa yang terjajah khususnya dalam meletakkan nilai asas atau ukuran sesuatu isu. Manakala matlamat akhirnya adalah menakluki kerohanian bangsa atau ummat (spiritual conquest). Strategi ini dikenali dengan istilah mercenary, missionary dan military (Imam Munawir, 1985). Bermula pada abad ke 18 hingga abad ke 21 kuasa-kuasa besar telah merencanakan perang salib moden dengan strategi baru melalui metodologi berfikir. Cengkamannya berterusan melalui dominasi agen-agen pendidikan, sosial, ekonomi dan pembangunan. Masyarakat diasuh bahawa mereka tidak akan maju kecuali dengan metod, rangka kerja dan sistem berfikir yang diatur oleh mereka. Strategi ini membuka ruang kemasukan aliran Barat seperti sekularisme, kapitalisme dan nasionalisme dalam sistem fikir bangsa yang terjajah sehingga akhirnya menerima dan meredai tradisinya. Oleh itu masyarakat abad ke-21 sedang menghadapi cabaran besar. Fenomena dan cabaran ini terus menerus berkembang dengan berbagai metodologi baru seperti pemikiran pasca moden. Untuk memainkan peranannya dengan lebih berkesan, sarjana akademik perlu peka terhadap

beberapa perkembangan dan perubahan khususnya dalam bidang ilmu, pemikiran, pendidikan dan kemasyarakatan. Isu pembinaan nilai merupakan fokus utama dalam perbincangan ini.

## 2.0 Invasi Pemikiran Moden

Era kolonialisme tidak tamat selepas sebuah negara diistiharkan merdeka. Postkolonialisme selanjutnya ialah melebarkan penguasaan melalui proses “*mental distruction*” (serangan terhadap cara berfikir). Ia juga dikenali dengan istilah invasi (invation) yang bermaksud pelanggaran, penyerangan atau kedatangan yang mengganggu (Kamus Dewan : An English – Malay Dictionary, 1999 :793). Agenda ini merupakan lanjutan dari proses penjajahan kuasa besar atau Barat. Dr Ali Abdul Halim Mahmud (1989) dalam bukunya *al-Ghazwu al-Fikri wa atharatuhi Fi al-Mujtama' al-Islami al-Mu'asir* memberikan tujuh ciri *al-Ghazwu al-Fikri* (invasi pemikiran):

- i. Invasi pemikiran sebenarnya ialah bangsa-bangsa yang lemah menjadi tunduk kepada pengaruh kekuatan negara-negara yang memusuhinya. Kekuatan negara-negara besar ini tercermin apabila mereka sering bertukar risikan dan siasatan dalam mempertahan berbagai kepentingan. Negara-negara ini bersandiwara, kononnya berlaku pertentangan dikalangan mereka, tetapi hakikatnya hanyalah pertentangan luaran yang tidak sampai kepada isinya. Bagi orang yang mempunyai penglihatan dan akal, pertentangan dan pergeseran itu sebenarnya untuk menyembunyikan wajah kebencian, tamak, haloba dan penindasan terhadap negara yang menjadi sasarannya.
- ii. Invasi pemikiran ialah negeri-negeri umat Islam khususnya dan negara-negara membangun umumnya mengikuti dengan tanpa fikir akan negara-negara besar yang telah maju dimana negara-negara yang diikuti pada hakikatnya menyembunyikan kepakaran dan keprofesionalannya. Maka negara kecil itu tidak merasa bebas merdeka bahkan sentiasa dibelenggu kehinaan sebagai pengikut. Muslihat itu sebenarnya merupakan aksi penindasan yang keji dan wajib difikirkan oleh setiap negara yang lemah supaya ia segera berwaspada. Adalah menjadi perkara yang sia-sia dan memalukan sekiranya sesuatu negara itu dalam keadaan lemah yang berpanjangan dalam merencana masa depan negaranya.
- iii. Invasi pemikiran ialah suatu umat khususnya umat Islam, mengambilalih hal-hal yang dipercayai dari fikiran bangsa lain yang nyata selamanya adalah non-Islamic. Ia tidak melihat dengan cermat, dan tidak memikirkan dengan teliti terhadap akibatnya dimana ia boleh menceraikan beraikan masa depan umat serta merungkaikan ikatannya dengan panduan al-Quran dan al-Sunnah. Umat akan kehilangan nilai dan kewibawaannya kerana doktrin mereka samada dari aspek politik, ekonomi dan sosial adalah bertentangan dengan kehendak agama.
- iv. Invasi pemikiran ialah suatu bangsa mempergunakan metod pendidikan dan pengajaran yang dimiliki oleh negara-negara Barat dan menerapkan kepada seluruh generasinya. Akibatnya generasi umat menjadi lemah dan rosak keaslian dimensi berfikirnya. Ia menyangka bahawa ia benar lalu ia berdebat supaya orang lain mengikut kebenarannya. Hakikatnya ia tidak mempunyai sebarang kekuatan hanya sekadar sebagai pendengar dan pengikut sahaja.
- v. Invasi pemikiran ialah kuasa penjajah menghalangi satu umat atau bangsa, khususnya umat Islam dengan sejarahnya. Sejarah umatnya masa lalu yang begitu baik digantikan dengan sejarah Barat dengan pemaparan pembesar-pembesar, tokoh-tokoh dan

pemimpin-pemimpinnya. Oleh itu putera puteri yang terdidik ini membesar tanpa teladan dari keunikan sejarah umatnya. Apa yang dapat dibaca adalah dari sejarah negara penjajah. Tidak ada pahlawan di dalam hatinya kecuali pahlawan-pahlawan dari negara Barat dan tiada pemikir kecuali dari para pemikir mereka. Bahkan ia tidak mengenal yang benar dan yang salah kecuali terhadap apa yang dilihat oleh bangsa penjajah itu benar dan salah. Dengan yang demikian penglihatannya yang benar terhadap manusia menjadi kabur lantaran ia telah melupakan sejarah umatnya yang baik.

- vi. Invasi pemikiran ialah bahasa bangsa yang menjajah mendominasi bahasa bangsa yang terjajah. Di sini umat diajar bahawa ia tidak dapat menyampaikan fikirannya kecuali dengan bahasa penjajah. Adalah disepakati oleh para ilmuan bahawa melemahkan bahasa suatu bangsa bererti melemahkan fikirannya. Fenomena ini merupakan pemaksaan terhadap bangsa yang terjajah untuk berfikir seperti cara berfikir bangsa yang menjajah dan memaksa bangsa yang kalah melihat kebiasaan dan tradisi seperti yang diperlihatkan oleh bangsa penjajah. Mereka akan terus menyusun strategi dan merencana sampai ia boleh menguasai seluruh kekuatan yang ada.
- vii. Invasi pemikiran ialah moral bangsa penjajah, adat kebiasaan dan tradisinya dimuliakan oleh bangsa yang dijajah. Selama mana moral mereka masih menjadi kayu ukur bagi sesuatu penilaian, maka moral itu wajib dijadikan sumber untuk membuat sesuatu bangsa itu mulia dan dimuliakan. Apabila bangsa yang terjajah itu membawa masuk moral dan nilai-nilai bangsa lain, maka berubahlah keperibadian dan keaslian bangsanya. Lalu ia akan hidup sebagai bangsa yang hina lantaran mengikuti bangsa yang telah merosakkan nilai moral yang telah di amalkannya. Akibat dari penganutan ini rugilah masa depan generasinya.

Karakter atau sifat lain pemikiran moden adalah berbentuk pemikiran global yang cuba membincangkan kembali batas-batas, implikasi dan realisasi asumsi-asumsi modenisme; kehairahan untuk memperluas cakrawala estetika, tanda dan kod seni moden; wacana kebudayaan yang ditandai dengan kejayaan kapitalisme, penyebaran informasi dan teknologi, meledaknya konsumerisme, lahirnya realiti semu (palsu, pura-pura), dunia hiperrealiti dan simulasi. (Medhy Aginta Hidayat, 2000:1)

### **3.0 Hiperrealiti: Pembinaan Nilai Hiper**

Marshall McLuhan merupakan individu pertama yang membuka pembicaraan mengenai gagasan hiperrealiti dalam pemikiran pasca moden. Melalui dua bukunya "*The Gutenberg Galaxy: The Making of Typographic Man*" (1962) dan "*Understanding Media: The Extensions of Man*" (1964), McLuhan meramalkan bahawa peralihan teknologi dari era teknologi mekanik ke era teknologi elektronik akan membawa peralihan pula pada fungsi teknologi sebagai kesinambungan badan manusia pada ruang dan masa kepada kesinambungan dengan sistem saraf (Kellner, 1994: 139).

McLuhan menyatakan bahawa pada hakikatnya semua media adalah kesinambungan badan manusia dalam dimensi ruang dan waktu di dunia (Kellner, 1994: 143). Menurut McLuhan kesinambungan ini bersesuaian dengan tahap-tahap sejarah. Teknologi percetakan merujuk pada era modenisasi dan teknologi media elektronik merujuk pada era postmodenisme. Namun perkembangan teknologi media elektronik, dalam bentuknya yang paling canggih, telah mereduksi kandungan berita media dan menggantikannya dengan permainan bahasa yang bersifat simbolik. Media menjadi sekadar sambungan badan manusia, dimana tanpa berita, media tiada maknanya. Dalam logik kesinambungan ini, mesin taip adalah

sambungan tangan manusia, kereta adalah sambungan kaki manusia, radio adalah sambungan telinga manusia, media cetak adalah sambungan mata manusia, dan televisyen, komputer serta internet adalah sambungan pusat sistem saraf manusia (Piliang, 1998: 192).

Dengan perkembangan teknologi komunikasi dan media khususnya televisyen, komputer dan internet menurut McLuhan, telah memungkinkan umat manusia hidup dalam dunia yang disebutnya *global village*, sebuah desa besar, di mana segala sesuatu dapat disebarluaskan, diinformasikan dan dikonsumsi dalam dimensi ruang dan waktu yang seolah-olah mengecut. Kini setiap orang dapat melihat, mendengar dan mengkonsumsi informasi dari segala penjuru dunia. Batas-batas ruang dan waktu pun seolah-olah lenyap, dilipat dalam sebuah layar kaca televisyen, disket ataupun internet. Dengan pandangan humanismenya, secara optimis, McLuhan membaca fenomena ini sebagai kemenangan manusia moden untuk menguasai ruang dan waktu (Piliang, 1998: 196).

Gagasan hiperrealiti yang selanjutnya dikembangkan oleh Baudrillard. Pemikiran Baudrillard mendasarkan kepada beberapa andaian hubungan manusia dan media, yang disebut sebagai realiti mediascape (Baudrillard, 1983: 14). Dalam realiti mediascape media massa menjadi produk budaya paling dominan. Dengan media massa, media kini tidak lagi terbatas sebagai kesinambungan badan manusia ala McLuhan, namun media kini sekaligus merupakan ruang bagi manusia untuk membentuk identiti dirinya.

Baudrillard membawa pemikiran McLuhan sampai ke batasan yang jauh. Ia mengangkat pandangan-pandangan McLuhan tentang kesinambungan badan manusia dan *global village* ke dalam konteks perkembangan mutakhir dunia Barat, yang dewasa ini telah menjelma menjadi desa besar yang disebut sebagai *hiperreal village* (Baudrillard, 1983: 16). Perkembangan ilmu dan teknologi dewasa ini dengan *micro processor*, memori bank, remote control, telecard, laser disc dan internet menurut pandangannya, tidak saja dapat menyambung badan atau pusat sistem saraf manusia, bahkan lebih fantastik lagi, mampu mereproduksi realiti, masa lalu dan nostalgia; menciptakan realiti baru dengan imaginasi (*citra-citra*) buatan; menyulap fantasi, dan ilusi menjadi kenyataan; serta melipat realiti sehingga tidak lebih dari sebuah layar kaca televisyen, disket ataupun internet (Piliang, 1998: 197) Robot misalnya, yang pada awalnya diciptakan sebagai kesinambungan badan dan sistem saraf manusia, kini telah menjelma menjadi pesaing manusia misalnya dalam bidang pekerjaan.

Selanjutnya realiti yang dihasilkan teknologi baru, telah mengalahkan realiti yang benar dan bahkan menjadi model acuan yang baru bagi masyarakat. Gambaran lebih meyakinkan dari pertimbangan fakta dan mimpi lebih dipercayai berbanding kenyataan sehari-hari. Inilah dunia hiperrealiti: realiti yang lebih nyata dari yang nyata, palsu dan meledak-ledak. Realiti-realiti hiper, seperti media massa, Disneyland, shopping mall dan televisyen nampak lebih real daripada kenyataan yang sebenarnya, dimana model, gambaran dan kod hiperrealiti bermetamofora sebagai pengawal fikiran dan tindak-tanduk manusia (Kellner, 1994: 8). Dengan televisyen dan media massa misalnya, realiti gambaran (*citra-citra*) seolah lebih real dibanding realiti aslinya.

Seterusnya realiti kini tidak lagi memiliki asal-usul, rujukan ataupun makna yang benar. Tokoh-tokoh seperti Rambo, boneka Barbie, Jurassic Park, atau Star Trek Voyager yang merupakan gambaran realiti tanpa rujukan, namun nampak lebih real dan nyata. Dalam keadaan seperti ini, realiti kebenaran, fakta dan objektif kehilangan kebebasannya. Hiperrealiti adalah realiti itu sendiri (Baudrillard, 1983: 183). Iaitu, era yang dituntun oleh model-model realiti tanpa asal-usul dan rujukan (Baudrillard, 1983: 2). Dimana, yang nyata tidak sekadar dapat direproduksi, namun selalu direproduksi (Baudrillard, 1983: 146).

Dalam buku klasiknya “*Simulations*” (1983), Baudrillard menjelaskan lebih detail keadaan hiperrealiti ini sebagai tidak ada lagi cermin diri yang memaparkan kenyataan dan konsep-konsep yang dikandungnya. Maklumat tidak perlu rasional lagi, kerana ia tidak lagi dapat diukur dengan ukuran-ukuran yang ideal. Maklumat kini tidak lebih dari apa yang dioperasikan. Karena itu maklumat kini tidak lagi benar (real) sama sekali. Kenyataan atau maklumat adalah hiperrealiti itu sendiri, produk model-model gabungan dalam ruang hiperspace tanpa atmosfera (Baudrillard, 1983: 3).

Fenomena hiperrealiti selanjutnya diikuti oleh serangkaian fenomena hiper-hiper yang lain. Yasraf Amir Piliang (1998:16) dalam bukunya “*Sebuah Dunia Yang Dilipat*” (1998), memaparkan beberapa bentuk fenomena hiper ini yaitu:

- i. Hypercare: Gejala keupayaan perawatan dan penampilan kecantikan tubuh dengan bantuan kemajuan teknologi kosmetik dan medik.
- ii. Hypercommodity: Gejala merebaknya komoditi hampir seluruh aspek kehidupan dan menjadi agen bagi penyebaran makna dan reproduksi hubungan sosial.
- iii. Hyperconsumption: Kondisi aktiviti konsumsi secara berlebihan, yang melampaui nilai-guna benda dan cenderung memusatkan perhatian pada makna personal dan sosial.
- iv. Hypermarket: Bentuk pasar yang mengkonsentrasi dan merasionalisasikan waktu, lalu lintas serta praktik sosial yang akhirnya menjadi pusat aktiviti sosial dan referensi nilai baru.
- v. Hypersensibility: Gejala peningkatan kepuasan secara berlebihan bagi memenuhi kepuasan indera, misalnya melalui penggunaan teknologi elektronik dalam dunia muzik.
- vi. Hypersexuality: Gejala penyebaran kepuasan seks yang melampaui wilayah seksualiti itu sendiri misalnya kegiatan seks melalui komputer dan internet.

#### **4.0 Isu Pembinaan Nilai**

Berdasarkan fenomena semasa, proses pembinaan nilai, pendidikan insan, orientasi pemikiran moden merupakan cabaran besar khususnya dalam aspek mencapai falsafah hidup yang berorientasikan agama dan prinsip ketuhanan. Pemikiran moden memiliki struktur yang terancang dan beroperasi secara aktif. Ia berperanan memudarkan kepercayaan pada agama yang bersifat transenden serta pandangan pluralisme dan relativisme reality atau kebenaran yang telah diterima pakai. Pengaruhnya bertambah dengan meledaknya industri media massa sehingga ia dianggap sebagai kesinambungan dari sistem indera, organ dan saraf manusia. Kekuatan media massa telah menjelma menjadi agama dan tuhan baru yang menentukan kebenaran dan kesalahan perilaku manusia.

Disamping itu wujud pula masyarakat yang semakin meragukan kebenaran ilmu. Manakala teknologi dan falsafah moden gagal membebaskan manusia dari belenggu masalah dan menciptakan kehidupan yang lebih baik. Peluang bagi pelbagai kelas sosial atau kelompok minoriti untuk mengemukakan pendapat diberikan ruang dengan lebih bebas dan terbuka. Era ini turut mendorong proses pendemokrasian. Ia cenderung mencampur adukkan pelbagai nilai, keyakinan dan realiti. Bidang ilmu sering dikesan tidak lagi memiliki outoriti serta bermakna dan konsistensi sehingga bersifat paradoks. Ia pastinya bertentangan dengan

konsistensi nilai, norma, pendapat atau penerimaan yang umumnya telah disepakati.

Nilai adalah kecenderungan seseorang dalam menunjukkan keutamaan (Carl Rogers, 1986). Nilai menyerapi semua kehidupan dan semua matlamat yang telah ditetapkan. Ia boleh mempengaruhi seseorang dan memberi kesan terhadap pemilihan (Super, 1957). Istilah-istilah lain yang termasuk dalam konsep nilai ialah norma, idealisme budaya, tingkah laku yang baik, sikap, kepercayaan dan barang-barang yang berharga (Hutcheon, 1972). Manakala Raths, Harmin dan Simon (1980) mengatakan nilai adalah garis panduan umum terhadap tingkah laku yang memberikan satu arah kepada kehidupan seseorang atau masyarakat. Menurut Abd Rahim Abd Rashid (1993) nilai mempunyai berbagai jenis, antaranya ialah nilai moral, nilai estetik, nilai instrumental, nilai universal, nilai tingkah laku, nilai tradisi, nilai intrinsik dan ekstrinsik, nilai sosial, nilai agama (Islam) dan nilai budaya. Pengaruh persekitaran yang boleh mencorakkan nilai ialah keluarga, masyarakat, media massa, hiburan, etik dan moral.

Persoalan membina pengaruh nilai begitu diambil kira oleh tamadun Barat. Semua unsur pembinaan dipromosikan untuk menghasilkan keuntungan kepada mereka. Buruk baik suatu nilai ditentukan oleh neraca pemikiran dan rasional akal. Kerana itu terdapat aspek yang tidak ditekankan dalam tamadun Barat iaitu persoalan nilai luhur. Kejaran kepada kemajuan kebendaan yang berterusan dan keterlaluan telah menyebabkan pengamalannya telah melupakan satu unsur manusia yang cukup penting iaitu spiritual. Contoh terbaik bagaimana ketiadaan unsur nilai dalam amalan tamadun Barat adalah menerusi pengasingan ajaran kerohanian agama dalam amalan ketamadunan. Implikasi dari pengasingan ini mewujudkan suatu kegilaan kepada kehidupan dunia sebagaimana yang diilhamkan menerusi teori Machivellian yang menyimpulkan bahawa matlamat yang baik boleh menentukan apa sahaja cara untuk merealisasikaninya. Dengan idea ini, motif untuk membuat keuntungan dalam perdagangan boleh dilakukan dengan apa carapun seperti interest, manipulasi atau eksploitasi wanita dan kecantikan.

Perkara yang sebaliknya amat ditekankan di dalam tamadun Islam, dimana ianya adalah sarat dengan nilai. Persoalan matlamat yang baik, tidak boleh dianggap jelas baik sekiranya cara mendapatkannya tidak baik dan boleh melenyap hilangkan nilai-nilai kemanusiaan. Matlamat tidak boleh menghalalkan cara. Ini kerana kemanusiaan itulah sebenarnya nilai ketamadunan di dalam Islam. Ia bukannya benda beku, mati, tiada makna atau terpisah dalam kehidupan. Antara aspek yang menjadi norma nilai dalam tamadun Islam seperti nilai benar, nilai salah, nilai baik, nilai buruk, nilai halal dan nilai haram, nilai kebersihan, nilai akhlak, nilai kerja dan usaha, nilai ibadat dan nilai keimanan yang semuanya berpusatkan kepada soal dalaman atau spiritual manusia.

Indikator untuk membenarkan kenyataan ini adalah isu pakaian. Selain kualiti luaran pakaian dengan rekaan fesyen terkini, mengikut spirit keagamaan ia mesti menepati konsep menutup aurat dan menampilkan ciri-ciri sopan, tidak nipis dan tidak sendat. Ini kerana nilai sebenar berpakaian adalah jaminan untuk berlindung dari udara sejuk atau panas serta jaminan dari tarikan nafsu atau bebas dari mendedahkan keaiban. Selain dari itu dengan keanggunan berpakaian manusia tidak wajar bermegah dan menunjuk-nunjuk, kerana di dalam memakai pakaian terkandung makna dan nilai yang cukup besar iaitu nilai ibadat kepada Allah. Aspek ibadat atau keimanan kepada Allah inilah merupakan kunci dan keunggulan sistem nilai di dalam tamadun Islam yang menjadi matlamat dan sasaran setiap aktiviti manusia.

Falsafah nilai dalam Islam adalah untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Tujuannya adalah untuk membentuk sikap,

kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat (Aminuddin, 1995: 7) Islam membentuk motif mengikut garis moral yang ditetapkan oleh agama dalam bentuk manifestasi dan dimensinya yang pelbagai. Hal ini tentunya melandasi pengajarannya yang menetapkan Islam sebagai agama dan satu cara hidup. Oleh itu, individu Islam diberikan semangat dan kekuatan budaya yang mencukupi untuk membolehkannya bergantung pada Islam dan mempertahankannya apabila perlu (Prof. Mohd. Hamid Al-Afendi dan Prof. Nabi Ahmed Balach, 1980: 140).

## **5.0 Hiperrealiti: Realiti Nilai**

Pengaruh kehidupan yang beraspirasikan sains dan teknologi maklumat begitu dominan dewasa ini. Sistem berfikir mereka menjadi bercelaru kesan dari pemikiran Marshall McLuhan dan Jean Baudrillard. Pemikiran yang mempopularkan berlandaskan gagasan idea hiperrealiti yang bersandarkan kepada realiti-realiti buatan. Idea realiti yang begini berdiri atas premis rasional. Setiap yang bersifat rasional mampu diterima akal atau mempengaruhi sistem fikir manusia. Ia juga berupaya menghakis sistem dan institusi pendidikan dan realiti kebenaran yang hakiki. Oleh itu penghujahan Islam terhadap idea hiperrealiti didasarkan kepada tiga asas iaitu konsep realiti al-haq, realiti wahyu dan realiti mutlak.

### **5.1 Realiti al-Haq**

Realiti (al-haq) atau kebenaran menduduki tempat yang sangat penting dalam sistem ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam bersepadu. Andainya nilai kebenaran dikeluarkan daripada teori dan sistem ilmu, maka bukan sahaja ini akan menimbulkan banyak masalah kepada manusia untuk memahami ilmu secara keseluruhan dan lambat laun sistem ilmu pengetahuan itu sendiri akan runtuh ranap. Kesan buruknya tidak akan terhenti pada alam pemikiran manusia sahaja. Akhirnya, kehidupan kemasyarakatan manusia juga akan menjadi porak peranda.

Dalam Islam ilmu adalah sesuatu yang merujuk kepada hubungan di antara dua perkara. Pertama manusia yang telah dibekalkan dengan berbagai-bagai deria zahir dan batin serta fakulti pengetahuan (kognitif) yang membolehkannya mengetahui dan menyedari tentang kewujudan objek-objek baik yang dekat mahu pun yang jauh dengannya. Kedua, manamana objek boleh diketahui dan ditafsirkan oleh manusia dengan menggunakan alat kognitifnya. Manusia dikatakan mempunyai ilmu tentang sesuatu objek apabila hakikat dan kedudukan yang sebenar objek itu diketahuinya. Hakikat dan kedudukan yang sebenar sesuatu objek itulah yang dimaksudkan dengan kebenarannya atau realiti. Maka jelaslah bahawa ilmu semestinya membabitkan kerangka dan struktur realiti.

Islam menekankan bahawa ilmu adalah pengetahuan yang haq (benar). Sekiranya pengetahuan tentang sesuatu tidak menepati kedudukan dan hakikatnya yang sebenar, maka pengetahuan itu tidak layak untuk diiktiraf sebagai ilmu. Sebenarnya, adalah tidak wajar bagi manusia menggunakan ungkapan "*ilmu yang benar*" atau "*ilmu yang palsu*" kerana sesuatu yang bertaraf ilmu itu semestinya benar dan mustahil palsu. Sebaliknya pula, yang palsu tidak boleh diangkat ke martabat ilmu, sama ada yang palsu itu bergelar kepercayaan atau pendapat, kesedaran atau persepsi, pengetahuan atau sangkaan, andaian atau dugaan.

Ketika penggunaan ungkapan seperti "*ilmu yang sebenar*" atau "*ilmu yang hakiki*" bermakna penggunaannya mempunyai alasan dan maksud yang tertentu. Biasanya, konteks penggunaannya bukanlah bertujuan untuk menunjukkan bahawa ada ilmu yang benar dan

ada ilmu yang palsu. Konteksnya ialah keinginan untuk menegaskan adanya ilmu yang lebih benar atau hakiki daripada ilmu-ilmu lain. Tegasnya, untuk menonjolkan nilai martabat ilmu. Semua ilmu adalah benar tetapi sesetengah ilmu lebih benar atau lebih hakiki daripada ilmu lain. Misalnya, dalam pendidikan Islam, ilmu mengenai keesaan Tuhan atau tauhid boleh disifatkan sebagai “*ilmu yang haq*” Maksudnya ilmu ini adalah ilmu yang paling tinggi kebenarannya jika dibandingkan dengan ilmu-ilmu lain misalnya ilmu tentang pemikiran moden atau pasca moden, ilmu tentang manusia, ilmu tentang sejarah dan ilmu tentang masyarakat, ilmu tentang sains. Walaupun ilmu-ilmu itu benar pada tahap yang tertentu tetapi ia hanya merupakan cabang dan ranting ilmu kebenaran (Aminuddin Ruskam, 1995:27)

## 5.2 Realiti Wahyu

Wahyu adalah pemberitahuan Allah SWT kepada seorang hambaNya yang dipilih tentang semua ajaran-ajaranNya dengan cara sulit dan rahsia berlainan daripada apa yang biasa dialami makhluk manusia. Wahyu merupakan realiti kebenaran yang disampaikan oleh Tuhan kepada manusia. Pengetahuan ini disalurkan melalui para Nabi. Wahyu ini merupakan pengetahuan mengenai agama Islam. Ia bukan saja berkaitan dengan kehidupan yang terjangkau oleh pengalaman, namun juga mencakup masalah-masalah yang bersifat transendental, ghaib, seperti latar belakang penciptaan manusia dan hari kemudian (akhirat).

Penyusunan pengetahuan ini adalah berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan yang merupakan sumber utama pengetahuan, kepercayaan kepada Nabi sebagai perantara, kepercayaan terhadap wahyu sebagai cara penyampaian, kepercayaan akan adanya para Malaikat sebagai pembawa wahyu, keyakinan terhadap pembalasan akhirat serta Qada dan Qadar. Semua aspek keyakinan tersebut sebenarnya berperanan penting dalam mencorak kesahihan dan keberkesanan realiti ilmu bagi manusia.

Bagi masyarakat beragama yang menerima wahyu sebagai tunggak kepercayaannya mesti mempercayai segala ajaran-ajaran wahyu terlebih dahulu. Kemudian bagi mendukung dan memperkukuh kebenaran kenyataannya itu ia boleh dikaji baik secara rasional atau dengan pendekatan empirikal terutama dalam masalah-masalah berkaitan dengan pengalaman masyarakat manusia dan alam nyata. Adapun perkara-perkara yang berhubung dengan ketuhanan, alam ghaib dan roh memang tidak mungkin dibuat kajian akal kerana sudah di luar jangkauan dan kemampuan manusia.

Al-Quran merupakan wahyu Allah yang mengandungi semua ajaran-ajaran yang benar yang mesti diyakini dan diamalkan oleh umat Islam. Maka dalam aktiviti-aktiviti akademik, tidak syak lagi ia adalah sumber pengetahuan utama yang menjadi asas, ukuran dan rujukan atas setiap kebenaran pengetahuan rasional, empirikal ataupun intuisi. Demikian juga dengan al-Sunnah Rasul SAW yang berupa ucapan, perbuatan dan keputusannya, mempunyai peranan yang sama kerana ia juga pada hakikatnya adalah wahyu daripada Allah S.W.T (Aminuddin, 1995:37)

## 5.3 Realiti Mutlak

Paradigma ilmu tauhid mengikut disiplinnya membicarakan ilmu tentang hakikat keesaan Tuhan. Menurut al-Quran, salah satu nama Tuhan ialah al-Haq yang bermakna “*Kebenaran Yang Mutlak*” (*The Absolute Truth*). Oleh kerana Allah SWT adalah “*Kebenaran Yang Mutlak*” maka semua kebenaran dan realiti yang tinggi dan yang rendah semuanya berasal daripadaNya dan tiada yang melebihiNya (hiper). Semua kebenaran yang sifatnya nisbi

mencerminkan “*Kebenaran Yang Mutlak*” Semua kebenaran makhluk sekiranya ia indikatornya menepati “*al-Haq*” maka ia menunjuk kepada kebenaran Maha Pencipta. Apabila Tuhan mencipta sesuatu makhluk, makhluk itu perlu mencerminkan kebenaranNya. Alam semesta dengan segala yang terdapat di dalamnya adalah kebenaran daripada Tuhan.

Islam dan realiti ilmunya menekankan bahawa kewujudan makhluk yang berbagai di alam ini adalah suatu bentuk kebenaran daripada Tuhan. Sarjana dan pemikir Islam diberi ilham untuk membuat penegasan bahawa tujuan utama manusia mencari ilmu tentang sesuatu ialah untuk mengenali atau mengetahui kebenarannya yang semestinya membawa pada akhirnya kepada kebenaran Tuhan. Tegasnya, adalah menjadi falsafah setiap cabang ilmu untuk mencari kebenaran dan menegakkannya di dalam bidang yang dikajinya. Misalnya, tujuan ilmu fizik ialah untuk mencari kebenaran fizik seperti hukum-hukum fizik yang terdapat di dalam alam ini; bagi ilmu matematik, untuk mencari kebenaran matematik seperti sifat-sifat nombor dan bentuk geometri; bagi ilmu botani, untuk mencari kebenaran botani seperti sifat dan peranan setiap anggota dan bahagian-bahagian pokok (Aminuddin, 1996: 38)

## **6.0 Kesimpulan**

Tegasnya oleh kerana falsafah Islam menekankan Allah adalah Tuhan sekalian makhluk yang mengurniakan akal fikiran kepada manusia. Maka manusia sepatutnya dapat menilai di antara perkara yang benar dengan perkara yang salah. Tidak salah, jika kita menerima pemikiran-pemikiran moden kalau ianya bermanfaat untuk pemikiran, pembinaan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Penerimaan idea dan elemen yang diperolehi dari Barat harus disertai dengan proses saringan khususnya dalam proses menentu dan membina nilai. Amalan ini untuk menentukan apa yang di bawa dari pemikiran baru tidak bertentangan dengan prinsip agama dan adat ketimuran. Prinsip dan realiti ilmu menjelaskan Islam merupakan agama rahmat bagi manusia sekalian alam. Kerana itu Islam menganjurkan umatnya belajar walaupun sampai ke negeri China. Belajar bahasa asing atau faham asing adalah satu tuntutan agar umat Islam berketerampilan dalam semua bidang. Oleh itu membincang idea modenisme atau pascamodenisme adalah satu keharusan kerana ia merupakan wacana ilmu yang turut memberikan saingan dan cabaran, bagaimanapun perlu ada tataranya. Semua kebijaksanaan samada ia ditemui di Barat atau di Timur adalah hikmah. Hikmah dan kebijaksanaan adalah peninggalan dari tamadun Islam.

## **Daftar Rujukan**

Abd Rahim Abd Rashid (1993) *Pendidikan Nilai Merentas Kurikulum*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur

Aminuddin Ruskam al-Dawamy (1995) *Konsep Ilmu dan Kosmologi*, UTM: Skudai Johor

Aminuddin Ruskam al-Dawamy (1995) *Falsafah Pendidikan Islam*, Kursus Perguruan Peringkat , Al-Qaid SDN BHD: Skudai Johor

Aminuddin Ruskam al-Dawamy (1996) *Konsep Ilmu*, UTM: Skudai Johor

Aminuddin Ruskam al-Dawamy (2001) *Pasca Mondenisme*, dalam *Modul Islam dan Isu-isu Semasa*, UTM: Skudai Johor

- Baudrillard, Jean, (1983), *Simulations*, Semiotext(e), New York.
- Calvin Goldscheider (1985) *Populasi, Modernisasi dan Struktur Sosial*, CV Rajawali: Jakarta
- Charles Jencks(1989) *What is Post-Modernisme*, St Martin's Press: London
- Dr Ali Abdul Halim Mahmud (1989) *al-Ghazwu al-Fikri wa Atharatuhi Fi al-Mujtama' al-Islami al-Mu'asir (trj)* Mohsir M.R, *Invasi Pemikiran*, Pustaka Nasional PTE LTD.Singapura
- Featherstone, Mike (1988) *In Pursuit of The Postmodern: An Introduction, dalam Theory, Culture and Society* Vol. 5, Sage, London.
- Hutcheon. P. D (1972) *Value Theory: Toward Conceptual Clarifications* dalam *The British Journal of Sociology*, 23 : 2 Jun hlm. 172-187
- Kamus Dewan (1994) Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Kamus Dewan : An English –Malay Dictionary (1999) Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Kellner, Douglas, 1994, *Baudrillard Reader*, Blackwell: Cambridge.
- Mehdy Aginta Hidayat (2000) *Kebudayaan Postmodern Menurut Jean Baudrillard*, ITB: Bandung
- Piliang, Yasraf, Amir, 1998, *Sebuah Dunia Yang Dilipat: Realitas Kebudayaan Menjelang Milenium Ketiga dan Matinya Postmodernisme*, Mizan, Bandung.
- Prof. Mohd. Hamid Al-Afendi dan Prof. Nabi Ahmed Balach (1980) *And Teachers Education*, University King Abd Aziz: Jeddah.
- Raths L, Harmin M, dan SimonS (1976) *Selection from Values and Teaching*: dalam David Purpel (ed) *Moral Education: It Comes With the Territory*. California: Phi Delta Kappa
- Rosenau, Pauline M., 1992, *Postmodernism and Social Sciences: Insight, Inroads and Intrusion*, Princeton University Press, Princeton.
- Sarup, Madan, 1989, *An Introduction Guide to Post-Structuralism and Postmodernism*, The University of Georgia Press, Athens.
- Super D.G *et al* (1957) *Vocational Development: A Framework for Research*. Columbia: Teaching College